

Sikap Masyarakat Iban Terhadap Pendidikan di Sarawak, 1841-1963

The Attitude of the Iban's Community Towards Education in Sarawak, 1841-1963

Anita Junaidi* & Wan Noorlizawati Wan Mat Ali

Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*emel: anitajunaidi_94@yahoo.com

Published: 26 January 2024

To cite this article (APA): Junaidi, A., & Wan Mat Ali, W. N. Sikap masyarakat Iban terhadap Pendidikan di Sarawak, 1841-1963. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 16(1), 1–8. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.1.1.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.1.1.2024>

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan sikap masyarakat Iban terhadap perkembangan pendidikan di Sarawak. Kedatangan badan mubaligh Kristian ke Sarawak membawa sinar baru dalam kehidupan masyarakat Iban kerana badan mubaligh berkenaan telah menubuhkan sekolah sebagai strategi dakwah mereka. Penubuhan sekolah tersebut membolehkan masyarakat Iban mendapatkan pendidikan formal. Ini kerana, sebelum penubuhan sekolah mubaligh, masyarakat Iban hanya mendapat pendidikan secara tidak formal. Sehubungan dengan itu, kajian dilakukan bagi meninjau sikap dan penerimaan masyarakat Iban terhadap perkembangan pendidikan di Sarawak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi analisis dokumen ke atas sumber primer dan sekunder. Hasil kajian mendapati masyarakat Iban menunjukkan dua sikap yang berbeza terhadap perkembangan pendidikan iaitu menerima dan menolak pendidikan. Golongan masyarakat Iban yang menerima pendidikan didorong oleh kesedaran mereka untuk mengubah kehidupan menjadi lebih baik manakala, golongan yang menolak pula disorong oleh keinginan masyarakat untuk mengekalkan tradisi, sikap ibu bapa yang tidak mahu berjauhan dengan anak serta faktor kemiskinan. Sikap negatif tersebut menyebabkan pendidikan masyarakat Iban berkembang perlahan berbanding pendidikan kaum lain.

Kata kunci: Sikap, Masyarakat Iban, Pendidikan, Sarawak

Abstract

This study aims to discuss the attitude of the Iban community towards the development of education in Sarawak. The arrival of Christian missionaries to Sarawak brought new light to the lives of the Iban community because the missionaries had established schools as their preaching strategy. The establishment of the school provides an opportunity for the Iban community to obtain a formal education. This is because, before the establishment of the missionary school, the Iban community only received education informally. In connection with that, a study was conducted to survey the attitude and acceptance of the Iban community towards the development of education in Sarawak. This study uses qualitative methods through document analysis of primary and secondary sources. The results of the study found that the Iban community showed two different attitudes towards the development of education, namely accepting and rejecting education. The Iban people who receive education are motivated by their awareness to change their lives for the better while the people who refuse are pushed by the community's desire to maintain traditions, the attitude of parents who do not want to be away from their children and the poverty factor. The negative attitude caused the education of the Iban community to develop slowly compared to the education of other races.

Keywords: Attitudes, Iban's community, Education, Sarawak

PENGENALAN

Sebelum kedatangan badan mubaligh, pendidikan masyarakat Iban di Sarawak adalah dalam bentuk tidak formal dan tradisional. Ini kerana, pendidikan yang diberikan lebih berasaskan kegiatan pertanian dan perkebunan seperti cara mencari rezeki atau bekerja daripada ibu bapa mereka sendiri (*Information on Sarawak*, 1961, 11). Sebagai contohnya, anak-anak akan diajar tentang kaedah atau teknik penanaman padi huma. Ini memandangkan, penanaman padi huma merupakan kegiatan ekonomi utama masyarakat Iban. Pada masa yang sama, anak perempuan juga diajar dengan kemahiran menenun, anyaman, jahitan manakala, anak lelaki pula belajar kemahiran berburu, menangkap ikan, menebas, menebang pokok dan sebagainya (Gomes, 1912, Gomes, 1911, McDougall, 1882, Low, 1968, Noria, 2014).

Dalam pada itu, masyarakat Iban juga terkenal dengan adat '*ngayau/headhunter*'. Dalam adat ngayau, masyarakat Iban akan menyerang dan merompak perkampungan orang lain, menangkap golongan kanak-kanak dan wanita untuk dijadikan hamba, manakala golongan lelaki dibunuh dengan dipotong kepala (Kiyai, 2021, Pringle, 2010). Keadaan ini menyebabkan masyarakat hidup dalam ketakutan. Malahan, James Brooke juga terpaksa melancarkan pelbagai ekspedisi bagi memerangi orang Iban. Oleh itu, bagi menghentikan tradisi *ngayau* berkenaan, James Brooke telah menjemput badan mubaligh Kristian datang ke Sarawak. James Brooke berharap pihak mubaligh dapat membantu beliau dalam mendidik masyarakat Iban menerusi penyebaran ajaran Kristian (Sabihah, 1990, McDougall, 1882, Runciman, 1960, Ooi, 2001).

Badan mubaligh Kristian yang pertama sampai di Sarawak ialah gereja Anglikan. Badan dakwah tersebut tiba pada tahun 1848 dan bertapak di Bahagian Pertama (*Sarawak Gazette*, 1957; Gomes, 1912, McDougall, 1882, Sabihah Osman, 1990, Taylor, 1973). Kemudian, pada tahun 1881, badan dakwah Roman Katolik pula menyusul diikuti oleh badan dakwah *Methodist* pada tahun 1903, *Seventh Day Adventists* (SDA) pada tahun 1922 dan *Borneo Evangelical Mission* (BEM) pada tahun 1928 (*Sarawak Gazette*, 1931, 1935 & 1957, John, 1981, Cartwright, 1938, Sabihah, 1990, Chew, 2004).

Di Sarawak, badan mubaligh berkenaan telah menubuhkan sekolah mengikut mazhab masing-masing. Sebagai contohnya, pihak gereja Anglikan mendirikan Sekolah St. Thomas dan St. Mary, Roman Katolik menubuhkan Sekolah St. Joseph dan St. Teresa, SDA membangunkan Sekolah Sunny Hill, Methodist mendirikan Sekolah Kwang Ang dan Sekolah Yit Ing/Yuk Ing, manakala BEM pula membuka sebuah sekolah di Limpasong, di Bahagian Kelima (McDougall, 1882, Sabihah, 1990, Sharifah, 2022, Chew, 2004). Secara tidak langsung, penubuhan sekolah tersebut memberi peluang kepada masyarakat Iban untuk mendapatkan pendidikan formal. Namun demikian, bagaimanakah dengan penerimaan masyarakat Iban terhadap penubuhan sekolah tersebut? Apakah mereka berminat dengan pendidikan seperti masyarakat Cina dan Melayu? Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi membincangkan sambutan masyarakat Iban terhadap perkembangan pendidikan menerusi penilaian ke atas sikap mereka.

ISU DAN PERMASALAHAN

Masyarakat Iban merupakan kelompok masyarakat terbesar di Sarawak. Mereka terkenal dengan tradisi *ngayau* iaitu adat memburu kepala musuh. Tradisi tersebut sering menimbulkan kekacauan di Sarawak. Oleh sebab itu, James Brooke berusaha untuk menghapus tradisi tersebut dengan menggubal undang-undang yang dikenali sebagai *Eight Items* (Gould, 2007). Selain itu, beliau turut menjemput pihak gereja Kristian datang ke Sarawak dengan harapan badan mubaligh tersebut dapat membantu dalam mentamadunkan kaum Iban. Badan-badan mubaligh berkenaan telah mendirikan sekolah bagi menyebarkan ajaran Kristian. Secara tidak langsung, penubuhan sekolah tersebut menyediakan peluang pendidikan formal kepada masyarakat Iban. Ini memandangkan, sebelum wujudnya sekolah mubaligh, masyarakat Iban hanya mendapat pendidikan secara tidak formal daripada ibu bapa mereka. Namun

demikian, sehingga menjelang kemerdekaan negeri Sarawak, pendidikan masyarakat Iban masih jauh ketinggalan berbanding pendidikan kaum lain. Ini disebabkan sikap masyarakat Iban yang kurang mementingkan pendidikan anak-anak mereka. Sikap ini bertentangan dengan sikap masyarakat Cina dan Melayu yang mementingkan pendidikan anak-anak mereka. Atas sebab itu, pendidikan masyarakat Cina dan Melayu jauh lebih maju berbanding pendidikan masyarakat Iban.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Pengumpulan data dibuat menerusi analisis dokumen ke atas sumber primer dan sekunder yang dipilih. Bagi sumber primer, kutipan data telah dibuat di Repositori Rekod Negeri Sarawak (*State Record Repository*). Manakala, sumber sekunder diperolehi menerusi kajian perpustakaan di Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Malaya dan Pustaka Negeri Sarawak. Seterusnya, artikel-artikel pula dirujuk secara atas talian. Begitu juga dengan *Sarawak Gazette*. Akhbar ini dapat diperolehi secara atas talian dalam laman sesawang Pustaka Negeri Sarawak.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Para pengkaji terdahulu seperti Sabihah (1990) dan Pringle (2010) mengatakan bahawa masyarakat Iban mempunyai dua sikap yang berbeza terhadap pendidikan formal. Sikap yang pertama adalah menolak. Masyarakat Iban bersikap negatif terhadap perkembangan pendidikan formal kerana mereka tidak mahu mengubah tradisi dan adat lama. Misalnya, masyarakat Iban tidak mahu meninggalkan tradisi *ngayau*. Lazimnya, masyarakat Iban yang berpendidikan akan memeluk agama Kristian sewaktu mereka menuntut di sekolah mubaligh. Kesannya, mereka mula meninggalkan adat-adat lama termasuklah *ngayau* kerana dianggap bertentangan dengan ajaran Kristian. Buktinya, dapat dilihat menerusi kisah seorang pahlawan Iban yang bernama Buda. Selepas menghadiri kelas belajar Rev. W.R. Mesney, Buda telah memeluk agama Kristian dan berhenti melakukan kegiatan *ngayau* (Pringle, 2010, Sabihah, 1990). Begitu juga dengan budaya *miring*. Sebelum menganut agama Kristian, masyarakat Iban mengamalkan kepercayaan animisme dan percaya kepada kuasa *supernatural* seperti *petara*, *antu*, dewa dewi, semangat baik, burung dan roh nenek moyang yang telah meninggal dunia. Ritual *miring* biasanya dilakukan untuk berkomunikasi dengan kuasa-kuasa tersebut. Namun, setelah menganut agama Kristian budaya tersebut semakin ditinggalkan kerana bertentangan dengan ajaran Kristian yang dianuti mereka (Noria et al., 2022).

Dalam pada itu, masyarakat Iban juga tidak mahu menghantar anak ke sekolah kerana menganggap pendidikan tidak memberi sebarang keuntungan kepada keluarga. Sebaliknya, hanya membebankan ekonomi keluarga. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi kenyataan orang Iban Lemanak. "*Duduk bangku enda bulih padi, Utai pinsil enda nyadi sangkah babi.*" (Jensen, 1974, p.214). Menurut orang Iban Lemanak tersebut, menghantar anak ke sekolah tidak membantu dalam mendapatkan makanan kerana anak-anak hanya duduk sahaja di dalam kelas. Secara tidak langsung, kenyataan orang Iban Lemanak tersebut membuktikan bahawa masyarakat Iban lebih mementingkan kegiatan mencari rezeki berbanding pendidikan anak-anak. Mereka lebih suka sekiranya anak-anak membantu mereka bekerja di kebun dan di rumah. Ia juga boleh dibuktikan dengan catatan Gomes. "*He was allowed to stay at my school for over two years, when his parents wished him to return to help them in their work.*" (Gomes, 1911, p. 111).

Menurut Gomes, pelajarnya yang bernama Usat terpaksa berhenti sekolah separuh jalan kerana diminta oleh orang tuanya untuk pulang ke kampung bagi membantu mereka bekerja di kebun. Senario ini memperlihatkan realiti masyarakat Iban pada ketika itu. Tenaga anak-anak diperlukan untuk membantu ibu bapa bercucuk tanam agar pekerjaan mereka menjadi lebih mudah. Susulan itu, anak-anak masyarakat Iban akan dilatih bekerja di kebun/huma sejak dari kecil lagi. Di tambah pula, masyarakat Iban terkenal dengan kaedah pertanian pindah yang memerlukan mereka meneroka

kawasan hutan baharu bagi menjalankan kegiatan penanaman padi bukit. Kaedah pertanian tersebut memakan masa yang lama dan tenaga kerja yang ramai kerana perlu melalui proses yang panjang seperti menebang, menebas, membakar, *nugal* (benih padi dimasukkan ke dalam lubang-lubang kecil), *mantun* (mencabut rumput), *ngetau* (menuai padi), *nungku* (proses memisahkan padi dari tangkainya), *nyembi* (mengeringkan padi) dan akhir sekali menumbuk padi sebelum dimasak menjadi nasi (Gomes, 1911, Low, 1968). Rantainya yang panjang menyebabkan masyarakat Iban sering bermalam di kawasan huma bersama anak-anak mereka sehingga pekerjaan mereka selesai (Porritt, 1997, Resident and District Office Sri Aman, 1st December 1953-29th September 1954). Atas sebab itu, mereka keberatan untuk menghantar anak ke sekolah.

Seterusnya, sikap masyarakat Iban yang kurang mementingkan pendidikan juga dapat dilihat apabila mereka memberi kebebasan penuh kepada anak-anak untuk memilih sama ada ingin bersekolah ataupun tidak. Hal ini dapat dilihat menerusi kenyataan M.G. Dickson, Pengarah Pelajaran Sarawak. Menurut beliau:

“The reason lies in the mental attitude of the Iban people... (in) the lack of discipline exercised by Iban parents over their children. Far too often it is left to the children themselves to decide whether they will go to school or not.”

(Laporan Rasmi Perbahasan Majlis Negeri Sarawak, 1960, p. 23)

Jelas beliau, rata-rata masyarakat Iban memandang ringan pendidikan anak mereka. Ibu bapa tidak memaksa atau berusaha untuk memujuk anak-anak agar menuntut ilmu di sekolah. Sebaliknya, mereka hanya membiarkan sahaja anak-anak membuat keputusan sendiri.

Dalam pada itu, faktor kemiskinan juga menyebabkan masyarakat Iban enggan menghantar anak ke sekolah. Ini memandangkan, majoriti masyarakat Iban bekerja sebagai petani. Oleh yang demikian, mereka tidak mampu untuk menampung kos pendidikan anak-anak. Misalnya, pada tahun 1957, kadar yuran di sekolah rendah rakyat bantuan kerajaan adalah sebanyak \$1 sebulan dan \$2.50 sebulan bagi sekolah menengah (Chief Minister Office, 18th November 1957-27th October 1976). Manakala, sekolah bantuan bukan rakyat pula menetapkan kadar yuran kemasukan sebanyak \$3 sebulan di sekolah rendah dan \$6-10 sebulan di peringkat menengah (Chief Minister Office, 18th November 1957-27th October 1976) Bagi masyarakat Iban yang rata-ratanya petani, jumlah tersebut agak tinggi kerana mereka perlu membayar \$12 setahun untuk pendidikan seorang anak. Jumlah tersebut belum lagi termasuk dengan yuran asrama dan kos pengangkutan. Sekolah mubaligh misalnya mengenakan yuran asrama sebanyak \$1 sebulan dan tambang perahu bagi pelajar di Kuching adalah sebanyak lima sen. Atas faktor kekangan kewangan, terdapat ibu bapa yang menarik semula kemasukan anak mereka di sekolah. Sebagai contoh, sebahagian masyarakat Iban menarik balik pendaftaran anak mereka di *Batu Lintang Upper Primary School* setelah mendapati yuran kemasukan adalah sebanyak \$15 sebulan (Resident and District Office Sri Aman, 1st December 1953-29th September 1954). Mengenai perkara ini, A.W. Stonton, *Archdeacon of Sarawak* mengatakan bahawa masyarakat Iban hanya akan menghantar anak ke sekolah sekiranya tiada bayaran yang dikenakan (Resident and District Office Sri Aman, 1st December 1953-29th September 1954). Natiujahnya, terdapat masyarakat Iban yang menghentikan persekolahan anak mereka separuh jalan sehingga mengakibatkan penutupan sekolah di sesetengah kawasan penempatan masyarakat Iban (Ministry of Public Health, Housing and Local Government Sarawak, 1st January 1956-6th February 1958, Resident and District Office Sri Aman, 1st December 1953-29th September 1954). Sebagai contohnya, J.K. Wilson melaporkan bahawa Sekolah Nanga Entaih ditutup setelah berlakunya penurunan bilangan pelajar disebabkan ibu bapa hilang minat untuk menghantar anak ke sekolah (*Sarawak Gazette*, 1961).

Selain itu, terdapat juga masyarakat Iban yang tidak mahu menghantar anak ke sekolah kerana tidak mahu berjauhan dengan anak mereka. Ini memandangkan kebanyakan sekolah terletak jauh di bandar atau hanya terdapat di beberapa kawasan tertentu sahaja. Sebagai contoh, lima buah sekolah mubaligh yang terawal di Sarawak terletak di bandar Kuching (Sabihah, 1990, Ooi, 2001). Bagi pelajar Iban dari kawasan pedalaman yang ingin menuntut di sekolah tersebut, mereka terpaksa bermalam di

asrama dan hanya pulang ke kampung pada waktu cuti sekolah. Perkara inilah yang menyebabkan ibu bapa keberatan untuk menghantar anak mereka ke sekolah kerana mereka tidak sanggup untuk berjauhan dengan anak dalam tempoh yang lama. Contoh lain yang dapat dilihat ialah penduduk di rumah panjang Ancheh tidak mahu menghantar anak ke sekolah kerana kerana kedudukan sekolah yang jauh. Menurut penduduk kampung tersebut, mereka akan menghantar anak ke sekolah sekiranya sekolah di Rumah Sa dipindahkan ke Ridan kerana kawasan tersebut lebih dekat dengan rumah mereka (*Sarawak Gazette*, 1961). Tambahan pula, setelah tamat belajar, anak-anak yang berpendidikan gemar merantau ke luar negeri bagi mencari pekerjaan yang sesuai dengan taraf pendidikan mereka (Resident and District Office Sri Aman, 1st December 1953-29th September 1954, *Sarawak Gazette*, 1963). Ini kerana, peluang pekerjaan di Sarawak adalah terhad dan dimonopoli oleh golongan Melayu perabangan (Reece, 1993; Porritt, 1997, Nordi Achie, 1999). Perkara inilah yang menyebabkan sebahagian masyarakat Iban keberatan untuk menghantar anak ke sekolah.

Faktor-faktor yang dibincangkan ini jelas telah mempengaruhi perkembangan pendidikan masyarakat Iban. Kesannya dapat dilihat melalui Jadual 1 yang menunjukkan peratusan kadar buta huruf yang melibatkan kumpulan etnik di Sarawak.

Jadual 1: Kadar buta huruf berdasarkan kumpulan etnik di Sarawak, 1947

Kumpulan Etnik	Peratus Buta Huruf (%)
Melayu	85
Melanau	91
Iban	98
Bidayuh	93
Lain-lain	98

Sumber: Ooi Keat Gin, 1997, Sabihah, 1990.

Jadual 1 memperlihatkan bahawa kadar buta huruf dalam kalangan masyarakat Iban adalah lebih tinggi berbanding dengan masyarakat peribumi yang lain. Malahan, jumlah pelajar Iban di sekolah pada tahun 1953 juga masih rendah iaitu 2,984 orang (Resident and District Office Sri Aman, 1st December 1953-29th September 1954). Ini jelas menunjukkan kemunduran pendidikan masyarakat Iban.

Sungguhpun demikian, kemunduran tersebut tidak bermakna masyarakat Iban menolak pendidikan sepenuhnya. Ini memandangkan, terdapat juga sebilangan besar masyarakat Iban yang menerima baik perkembangan pendidikan formal. Sebagai contohnya, masyarakat Iban di Saribas. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi catatan Gomes (1911);

“My schoolboys came from different Dyak villages, but the majority of them were boys from Saribas. The Dyaks from that district are more anxious to improve themselves than other Dyaks races.”

(p.107)

Kenyataan Gomes memperlihatkan bahawa masyarakat Iban di Saribas lebih bersikap terbuka terhadap pendidikan berbanding masyarakat Iban dari daerah lain. Keterbukaan tersebut dapat dilihat melalui bilangan pelajar dari Saribas yang lebih ramai berbanding pelajar Iban dari daerah lain. Menurut Gomes lagi, wanita Iban di Saribas juga menunjukkan minat untuk belajar membaca dan menulis seperti kaum lelaki. Buktinya, mereka dapat membaca buku sembahyang bahasa Iban yang dibawa oleh beliau (Gomes, 1911, Pringle, 2010). Selain itu, sikap positif masyarakat Iban terhadap perkembangan pendidikan formal juga dapat dilihat menerusi tindakan mereka menubuhkan sekolah mereka sendiri. Sebagai contohnya ialah Sekolah Dayak di Sungai Assan, Sibiu. Sekolah tersebut dibuka oleh Penghulu Grinang di rumah beliau sendiri bagi mengajar kanak-kanak Iban belajar bahasa Iban. (*Sarawak Gazette*, 1927 & 1931, Sabihah, 1990).

Seterusnya, masyarakat Iban yang tinggal di bandar juga menerima baik perkembangan pendidikan. Ini memandangkan, menerusi pergaulan dengan pelbagai lapisan masyarakat di bandar telah membantu mendedahkan mereka dengan dunia luar (Hafsah Harun, TVS; Hew, 2011). Oleh sebab itu, mereka menjadi lebih terbuka berbanding dengan masyarakat di luar bandar. Tambahan pula, pada tahun 1960-an kesedaran tentang kepentingan pendidikan semakin meluas dalam kalangan masyarakat Iban. Buktinya, semakin ramai masyarakat Iban dari rumah panjang berhijrah ke bandar bagi mencari peluang ekonomi dan pendidikan yang lebih baik (Hew, 2011, Resident and District Office Sri Aman, 1st December 1953-29th September 1954). Hal ini demikian kerana majoriti sekolah yang terbaik terletak di bandar. Manakala, sekolah di kawasan luar bandar pula tidak mempunyai kemudahan yang mencukupi dan hanya menyediakan pendidikan peringkat rendah sahaja (Resident and District Office Sri Aman, 1st December 1953-29th September 1954). Oleh itu, bagi pelajar yang ingin menyambung pendidikan ke peringkat lebih tinggi mereka terpaksa pergi ke bandar. Atas sebab itu, masyarakat Iban mula berhijrah ke bandar.

Dalam pada itu, masyarakat Iban juga semakin menyedari bahawa pendidikan dapat mengubah kehidupan mereka menjadi lebih baik. Ini memandangkan, pendidikan dapat membantu menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik kepada mereka. Misalnya, setelah tamat pengajian mereka dapat bekerja sebagai cikgu, paderi atau pembantu paderi, jururawat dan *Sarawak Ranger* (Sabihah, 1990). Secara tidak langsung, mereka tidak perlu lagi membanting tulang bekerja dibawah panas matahari sebagai petani. Atas sebab tersebut, ibu bapa juga turut terbuka hati untuk menghantar anak ke sekolah. Ini kerana, ibu bapa juga berharap mereka dapat tinggal bersama anak mereka dan meninggalkan pekerjaan mereka di kampung.

Hammond (1937) telah menyenaraikan beberapa faktor yang mendorong masyarakat Iban berminat untuk belajar. Antaranya ialah:

“He would like to be able to read the government’s notices and see whether they affected him, he wished to keep a list of his property and to be able to read the papers, e wanted to read letters from his son in Miri and to be able to write back to him, he wanted to know enough about arithmetic so as to make sure that he was not cheated when he bought or sold.

(p. 26)

Faktor seterusnya adalah pendidikan adalah penting untuk mengelakkan masyarakat Iban daripada menjadi mangsa penipuan peniaga Cina dan Melayu. Hal ini demikian kerana, pedagang Cina dan Melayu sering mengambil kesempatan ke atas masyarakat Iban yang buta huruf dengan meletakkan harga barangan yang tinggi. Sebagai contohnya, peniaga Melayu sering menjual tembikar seramik dengan harga yang tinggi manakala, peniaga Cina selalu menipu timbangan atau sukatan ketika membeli hasil hutan daripada masyarakat Iban (Pringle, 2010). Oleh itu, bagi mengelakkan diri daripada terus ditipu maka masyarakat Iban mula terbuka hati untuk belajar membaca dan menulis meskipun hanya asasny sahaja.

Secara keseluruhannya, perbincangan di atas memperlihatkan bahawa masyarakat Iban menunjukkan dua sikap berbeza terhadap pendidikan. Sikap yang negatif menyebabkan pendidikan masyarakat Iban lambat berkembang berbanding pendidikan masyarakat yang lain. Namun begitu, terdapat juga masyarakat Iban yang positif dengan perkembangan pendidikan. Ini disebabkan mereka menyedari kepentingan pendidikan sebagai asas kemajuan hidup. Namun, secara keseluruhannya tahap pendidikan masyarakat Iban masih rendah jika dibandingkan dengan pendidikan kaum lain.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, ramai dalam kalangan masyarakat Iban yang belum menyedari kepentingan pendidikan. Ini memandangkan, mereka menganggap pendidikan tidak dapat memberi sebarang kesenangan hidup kepada mereka. Atas sebab itu, mereka enggan menghantar anak ke sekolah sehingga menyebabkan pendidikan masyarakat Iban jauh ketinggalan berbanding pendidikan masyarakat Cina, Melayu, Melanau dan Bidayuh. Namun demikian, keadaan tersebut tidak bermakna bahawa masyarakat Iban menolak pendidikan sepenuhnya. Sebaliknya, terdapat juga sebahagian masyarakat Iban khususnya di area Saribas dan bandar memberi sambutan yang baik kepada perkembangan pendidikan.

RUJUKAN

- Cartwright, Frank T. (1938). *Tuan Hoover of Borneo*. New York: The Abingdon Press.
- Chew, Daniel (2004). *Chinese pioneers on the Sarawak frontier 1841-1941*. New York: Oxford University Press.
- Chief Minister Office. (18th November 1957-27th October 1976). *School Fees* (CMO/1286). Kuching: State Record Repository.
- Gomes, E. H. (1911). *Seventeen years among the Sea Dyaks of Borneo*. London: Seeley & CO. Limited.
- Gomes, E.H. (1912). *Children of Borneo*. Edinburgh: Oliphant, Anderson & Ferrier.
- Hafsah Harun (2023, 18th April). Pendidikan & Tradisi Ngaji. *Salam Nusantara*, Ep. 10, TVS Entertainment. Retrieve from <https://youtu.be/eLE7c1fBYLQ>
- Hammond, R.W. (1937). *Report Education in Sarawak*. Typescript. Kuching: Arkib Negeri Sarawak.
- Hew, Cheng Sim & Rokiah Talib (2011). *Tra Zehnder: Iban Woman Patriot of Sarawak*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Information on Sarawak* (1961). Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Jensen, Erik (1974). *The Iban and their religion*. Oxford: Clarendon Press.
- John, Rooney (1981). *A history of the Catholic church in East Malaysia and Brunei (1880-1976)* [Doctoral Thesis, University of London]. SOAS Research Online. <https://eprints.soas.ac.uk/33712/1/11010484.pdf>
- Kiyai, Gregory (2021). Sejarah budaya ngayau dalam masyarakat Iban di Sarawak. *Jurnal Borneo Akhailogia*, 6(1), 121-130. Retrieve from <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/article/download/3532/2307/12782>
- Laporan Rasmi Perbahasan Majlis Negeri Sarawak (1960, 22nd-24th Disember). Kuching: Sarawak Council Negeri.
- Low, Hugh (1968). *Sarawak: Its inhabitants and productions*. London: Frank Cass and Company Limited.
- McDougall, Harriette (1882). *Sketches of our life in Sarawak*. London: Society for promoting Christian knowledge.
- Ministry of Public Health, Housing and Local Government Sarawak. (1st January 1956-6th Februari 1958). *1. Report by E.W. Woodhead 2. Financing of Education* (CSO/1705). Kuching: State Record Repository.
- Nordi Achie (1999). Pemikiran Rakawi Yusuf dengan rujukan khusus terhadap novel Melati Sarawak 1932: Satu tinjauan awal. *Jurnal Sejarah*, 7(7), 81-119. Retrieve from <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol7no7.5>
- Noria Tugang (2014). *Pua identiti dan budaya masyarakat Iban*. Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Noria Tugang, Bibiana Motey Senang & Adilawati Asri (2022). *Warisan budaya Miring dalam masyarakat Iban di Sarawak*. Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Ooi Keat Gin (2001). *Dunia Di Seberang Sungai: Pendidikan Di Sarawak Dari Zaman Pemerintahan Brooke hingga ke Pentadbiran Pejabat Tanah*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Porritt, Vernon (1997). *British Colonial Rule in Sarawak 1946-1963*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Pringle, Robert (2010). *Rajahs and rebels: The Ibans of Sarawak under Brooke rule, 1841-1941*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Reece, R.H.W. (1993). *The name of Brooke: The end of white rajah rule in Sarawak*. Kuching: Sarawak Literary Society.
- Resident and District Office Sri Aman. (1st December 1953-29th September 1954). *Education policy-Educational opportunities for Sea Dayaks* (H/100/1). Kuching: State Record Repository.
- Runciman, Steven (1960). *The white rajahs: A history of Sarawak from 1841 to 1946*. Cambridge University Press.
- Sabihah Osman (1990). *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak: 1841-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sarawak Gazette*. (1927, 1 Jun).

Sarawak Gazette. (1931, 1 Ogos).

Sarawak Gazette. (1931, 2 November).

Sarawak Gazette. (1935, 1 Mac).

Sarawak Gazette. (1957, 31 Januari).

Sarawak Gazette. (1961, 30 Jun).

Sarawak Gazette. (1961, 30 November).

Sarawak Gazette. (1963, 31 Januari).

Sharifah S. Ahmad (2022). The Irrationality of Malay Proselytisation: The failure of education as a tool for “civilising” native. *Jurnal Kemanusiaan*, 29(1), 51-70. Retrieve from <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=183542>

Taylor, B. & Heyward, P. M. (1973). *The Kuching Anglican schools 1848-1973*. Kuching: Lee Ming Press Co.